

**TEKS UCAPAN**  
**Y.BRS. PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS PERASMIAN  
FESTIVAL KONVO TUAH UTeM KE-18  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

*04 November 2022 (Jumaat),  
Tapak Festival Konvo TUAH UTeM, 3:00 petang*

## **SALUTASI**

**BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM..**

**Terima kasih Saudara/I Pengacara Majlis**

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim bin Saad**  
Pro Canselor UTeM

**Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan**

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin  
Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Merangkap pengerusi Festival Konvo Tuah UTeM Ke-18


Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UTeM,  
Timbalan-Timbalan Naib Canselor,  
Pegawai-pegawai Kanan UTeM,  
Staf-Staf Universiti, Barisan Majlis Perwakilan Pelajar,  
Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaksana Festival Konvo TUAH UTeM  
Ke-18,  
Mahasiswa, mahasiswi serta para hadirin dan hadirat yang  
dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salam Sejahtera

1. Alhamdullillah, setinggi-tingginya kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah Subbahanahu Wataala, di atas segala rahmat dan ‘inayahNya juga, kita dapat berhimpun dan bertemu dalam Majlis Perasmian Festival Konvo TUAH UTeM bersempena Majlis Konvokesyen UTeM kali ke-18, bagi tahun 2022.
2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri (Dr.)

Halim bin Saad, Pro Canselor UTeM dan Yang Berbahagia  
Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan, Pengurus Lembaga  
Pengarah Universiti, serta barisan tetamu, yang sudi hadir  
bagi memeriahkan lagi majlis pada petang ini.




Turun ke laut menangkap ikan,  
Joran terkail si ikan tenggiri;  
Kehadiran tuan puhan kami alukan,  
Semoga majlis bertambah seri.

- 
3. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) di atas komitmen dan usaha keras dalam memastikan kelancaran penganjuran Festival Konvo TUAH UTeM kali ini.

4. Saya percaya, tanpa kerja keras, dan iltizam yang sentiasa membara dalam jiwa dan sanubari setiap warga UTeM, pasti majlis berskala besar seumpama ini sukar dilaksanakan.



**Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

5. Festival Konvo TUAH UTeM merupakan acara tahunan yang berlangsung seiring dengan Majlis Konvokesyen yang dianjurkan oleh Universiti bagi meraikan para graduan yang bakal bergraduasi.
6. Kita rasa bersyukur, setelah 2 tahun festival Konvo ini dianjurkan secara maya kerana dunia dilanda Pandemik COVID-19, kini kita dapat kembali menganjurkan Festival Konvo TUAH UTeM secara bersemuka. Sudah pastilah bahang kemeriahان penganjurannya akan lebih terasa.
7. Penganjuran Festival Konvo yang diadakan selama 6 hari bermula sejak Sabtu yang lepas, dimuatkan dengan

program-program yang memenuhi atribut 8 Dimensi TUAH. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan diatur sebaik-baiknya di sepanjang Festival Konvo kali ini. Antara program-program terbabit adalah :

- (a) UTeM Aspire Career Fair
- (b) Islamic Night Festival (INSAF), yang menampilkan persembahan dari Kumpulan In-Team & Zayne.
- (c) #GegauMelakaGegau, merupakan perlawanan Bola Sepak Piala Sumbangsih antara pilihan UTeM menentang

Veteran Malaysia yang ditarik pemain Malaysia yang layak ke Sukan Olimpik Moscow 1980.

(d) Sukan Rakyat & Tradisional

(f) Eco Run, Technic-Preneur Race, dan

(g) Pengurusan pelbagai program serta acara yang akan dapat menyerlahkan serta mengasah bakat mahasiswa-mahasiswi UTeM.

8. Menerusi pendekatan dan penglibatan aktif siswa dalam program seumpama ini juga, saya amat yakin, aspirasi Universiti untuk melahirkan siswa dan graduan yang

bercirikan TUAH dapat direalisasikan dengan jayanya, sejajar dengan tema Festival Konvo kali ini iaitu TUAH Sejati, Merentas Dimensi.

9. Seterusnya, Festival Konvo ini turut dimuatkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan, kesenian serta perkongsian ilmu dari ikon-ikon seperti PU Syed, Azwan Omar (Abang Viva), Zul Handy Black serta persembahan kebudayaan daripada para pelajar UTeM.
10. Selain itu, turut akan diserikan dengan persembahan artis-artis jemputan dan tajaan dari Warner Music dan Universal

Music seperti Floor 88, Rizal Rasid, Amsyar Lee, Kumpulan Nasyid In-Team dan Zayne (bagi Islamic Festival Night - INSAF) serta ramai lagi.



**Hadirin dan Hadirat sekalian,** *اوینفر سیتی تیکنالوجیز*

11. Pihak UTeM juga turut ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada syarikat HIMEX Sdn. Bhd, yang menjadi Rakan Penaja Utama bagi Festival Konvo TUAH

UTeM kali ini. Sebagai makluman, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) HIMEX Sdn. Bhd., Encik Zulfiqar merupakan Alumni Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM). Difahamkan syarikat ini turut aktif memberi peluang pekerjaan serta peluang menjalankan Latihan Industri (*Internship*) kepada para pelajar UTeM. Ini membuktikan graduan yang dihasilkan oleh UTeM amat berkredibiliti serta berkualiti tinggi seterusnya dapat menyumbang bakti kembali terhadap pembangunan Universiti. Untuk makluman juga, Syarikat HIMEX Sdn. Bhd. telah memberikan tajaan bernilai RM80,000.00 bagi penganjuran Festival Konvo kali ini.

**Marilah kita berikan tepukan yang gemuruh kepada syarikat HIMEX Sdn. Bhd.**

12. Disamping itu, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Yayasan Canselor UTeM, Farhan Food Industries, Koko Minda Food Industries, RHB Islamic Bank Berhad, PERKESO, i-LEAD, Nadi Cergas Sdn. Bhd., Tasek Haza Engineering & Services, MS Height Enterprise dan semua rakan penaja yang tidak dapat saya nyatakan satu persatu, kerana sudi memberikan **sumbangan berbentuk tunai & in-kind dengan anggaran lebih RM400,000!** Marilah kita

**sekali lagi, berikan tepukan yang gemuruh kepada semua rakan penaja kita ini.**

**Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

13. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli Jawatankuasa Pelaksana Majlis dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Festival Konvokesyen UTeM ke-18 ini.

14. Kepada para pengunjung, diharapkan Tuan-tuan dan Puan-puan, mendapat pelbagai manfaat, hasil kunjungan anda di Festival Konvo TUAH UTeM ini.

Meniup api beralun selari,

Penat bersandar di pohon meranti,

Pesta meriah graduan dirai,

UTeM tersemat selamanya dihati.

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.

Terima kasih.